



RABBANI

BULETIN ILDAN

ربّانی

Institut Latihan Darul Naim | Januari 2022 | Bil. 17/1-2022



Perubahan

INSTITUT LATIHAN DARUL NAIM (ILDAN)

20 | **MISKIN**
DARI PERSPEKTIF HADIS NABAWI

27 | **KONSEP KASIH SAYANG**
DALAM PSIKOLOGI PENDIDIKAN ISLAM



Falsafah dan Konsep Bahagian 2 PENDIDIKAN ISLAM

Oleh : Dr. Noor Hisham Md Nawi
Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan

KEPENTINGAN FALSAFAH PENDIDIKAN

Falsafah pendidikan sangat penting kerana ia adalah titik permulaan dalam proses pendidikan. Untuk memahami kepentingan falsafah pendidikan, dinyatakan beberapa peranan falsafah pendidikan sebagaimana berikut.

1. Memahami sistem pengajaran
2. Menganalisis konsep dan istilah pendidikan
3. Mengkritik andaian dan fakta pendidikan
4. Membimbing asas-asas pendidikan
5. Menerima perubahan-perubahan dasar
6. Membimbing sikap para guru
7. Membangkitkan dialog dan persoalan
8. Menghapuskan pertentangan pendidikan
9. Mengemukakan rancangan-rancangan baru

Memahami falsafah pendidikan sangat penting bagi mereka yang terlibat dalam dunia pendidikan. Falsafah adalah komponen paling utama dan tertinggi dalam pendidikan. Falsafah menentukan watak manusia yang ingin dilahirkan. Ia bertindak sebagai panduan dalam merancang, melaksana, memantau dan menilai pencapaian pendidikan. Ketiadaan panduan dan dasar yang jelas akan menyebabkan sistem pendidikan tidak mempunyai halatuju dan sentiasa berubah-ubah mengikut keperluan yang pelbagai seperti tekanan fenomena semasa atau pengaruh pihak yang berkepentingan. Pendidikan harus berubah kerana zaman sentiasa bergerak dan berubah. Namun perubahan tersebut seharusnya bergerak dengan berpaksikan falsafah. Umumnya, perubahan pendidikan hanya berlaku pada bentuk, sisi pandang dan pengkaedahan ; bukannya pada intipati atau asas kemanusiaan.

FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM

Timbul satu persoalan iaitu apakah yang dimaksudkan sebagai falsafah pendidikan Islam. Sebelumnya telah dinyatakan bahawa falsafah menggunakan akal sebagai sumbernya dan bersifat spekulatif. Manakala Islam pula adalah bersumberkan kepada wahyu di mana kebenarannya bersifat mutlak. Sesetengah pihak berpendapat bahawa menerima kebenaran wahyu secara mutlak dinilai sebagai kegiatan berfikir yang non analitik dan berada dalam posisi yang pasif. Padahal falsafah adalah hasil dari usaha aktif manusia dalam mencari kebenaran, bukan kebenaran yang dianugerahkan. Kekeliruan ini berpunca dari kesilapan memahami konsep kebenaran dan hierarki kebenaran. Kebenaran yang hakiki adalah merujuk kepada Tuhan. Demikian juga punca sebenar atau sumber segala ilmu adalah dari Tuhan. Namun sumber ilmu yang datang kepada manusia adalah pelbagai. Islam mengiktiraf semua sumber ilmu bermula dari wahyu, intuisi, ilham, akal dan pancaindera. Pun begitu taraf setiap sumber itu tidak sama. Ini bermakna jalan kebenaran itu berbeza-beza mengikut tahap dan hierarkinya. Ia tidak bermakna bahawa kebenaran itu berbilang-bilang kerana sumbernya adalah satu. Namun tahap kefahaman, sumber dan hierarkinya menjadikan nampak seolah-olah berbilang-bilang. Hakikat kebenaran adalah satu. Hanya Allah yang bersifat kebenaran mutlak. Kemampuan manusia untuk memahaminya dalam pelbagai bentuk dan tahap menjadikannya nampak berbilang. Ia selari dengan kata-kata Roger Garaudy dalam Jalaluddin dan Usman (1994) bahawa falsafat adalah cinta kebijaksanaan dan kebijaksanaan yang sebenar adalah Tuhan. Oleh itu cinta Tuhan adalah falsafah yang sebenarnya.



Menurut Wan Mohd Nor (1991a) dalam Mohd Idris Jauzi (1991), falsafah pendidikan adalah satu usaha berfikir yang rasional dan kritis tentang perkara-perkara penting mengenai pendidikan. Berfikir secara rasional bermakna menggunakan akal bagi menghasilkan pendapat yang betul atau logik, munasabah dan berasaskan samada kepada pengalaman umum atau autoriti yang boleh dipercayai. Ia juga bermaksud menerima hakikat keterbatasan akal-rasional itu sendiri atau menerima supra-rasional; bukannya tidak rasional. Berfikir secara kritis pula bermakna segala kepercayaan atau pegangan tentang perkara-perkara penting haruslah berdasarkan ilmu samada melalui pengajian atau pengalaman sendiri atau melalui orang lain yang terbukti kewibawaannya. Falsafah Pendidikan Islam terpancar dari pandangan alam Islam berteraskan prinsip-prinsip kekal yang bersumberkan al-Quran dan hadis.

Ditegaskan bahawa falsafah pendidikan Islam adalah bersumberkan wahyu. Menurut perspektif Islam, nilai kebenaran itu berkait rapat dengan ajaran agama itu sendiri. Islam sebagai al-din menuntut penganutnya untuk memahami dan menghayati makna kebenaran menurut kerangka rujukan atau pandangan alam Islam. Falsafah Pendidikan Islam yang bersumberkan wahyu mengarah kepada pemikiran tentang kebenaran yang bersifat mutlak. Kebenaran yang dikehendaki oleh falsafah dalam konteks tersebut dinamakan sebagai hikmah. Kebenaran atau hikmah ilahiyyah tidak sama dengan kebenaran yang dikemukakan falsafah umum yang menyandarkan kemampuannya kepada daya pemikiran manusia yang terbatas. Hikmah ini tidak bergantung kepada tahap akademik seseorang. Ia dikurniakan kepada mereka yang memiliki kematangan pandangan, pemikiran yang jauh, dan pengamatan yang mendalam. Menurut al-Syaibany (1991), hikmah dalam konteks Islam mengandungi lima unsur berikut iaitu universal, pandangan yang luas, cerdas, pandangan yang meditatif

dan mengetahui pelaksanaan pengetahuan yang disertai tindakan yang baik. Berdasarkan pernyataan tersebut, falsafah pendidikan Islam adalah pelaksanaan dan pandangan serta kaedah falsafah Islam yang diterapkan dalam bidang pendidikan, aktiviti pemikiran yang teratur, selaras dan terpadu dalam upaya menjelaskan nilai-nilai dan tujuan yang hendak dicapai, serta bersumber wahyu Tuhan.

Falsafah pendidikan Islam ini seharusnya juga berfungsi sebagai mana falsafah pendidikan umum iaitu menjadi pedoman kepada perancang-perancang dan pekerja-pekerja dalam bidang pendidikan dan pengajaran. Secara lebih tersusun, falsafah pendidikan Islam seharusnya mampu memberi manfaat sebagaimana berikut :

1. Membantu para perancang dan pelaksana pendidikan dalam membentuk pemikiran yang benar terhadap proses pendidikan.
2. Memberi dasar kepada pengkajian pendidikan secara umum dan khusus.
3. Menjadi dasar penilaian pendidikan secara menyeluruh.
4. Memberi sandaran intelektual, bimbingan bagi pelaksana pendidikan untuk menghadapi cabaran yang muncul dalam bidang pendidikan.
5. Memberikan pendalaman pemikiran tentang pendidikan dalam hubungannya dengan faktor-faktor spiritual, kebudayaan, sosial, ekonomi, politik dan pelbagai aspek kehidupan yang lain.

Kerangka pemikiran falsafah di atas mengandungi konsep tentang pendidikan yang di dalamnya terkandung dasar dan tujuan pendidikan, isi kandungan, metod yang digunakan, sistem penilaian serta hal-hal yang berkaitan dengan kelembagaan dan pelaksanaan pendidikan. ■

Sambungan edisi akan datang...